

PRUGrowth

Bersama anda membina simpanan





Di dalam perjalanan
hidup anda, apakah
IMPIAN yang anda
ingin capai?

Mencapai
MATLAMAT
peribadi anda

KEJAYAAN
anak-anak
anda

Menikmati
**MASA
DEPAN
YANG
STABIL**
bersama orang
tersayang

Langkah Kecil IMPAK BESAR



S

Tempoh komitmen premium yang singkat, bermula dari 5 tahun

Pilih daripada pelbagai kombinasi tempoh bayaran premium dan tempoh perlindungan.

A

Annual Booster dengan jumlah sehingga 288% daripada Jumlah Diinsurankan Asas⁽¹⁾

Diberikan secara tahunan apabila anda membayar premium anda secara konsisten.

V

Manfaat bernilai pada kematangan

Menerima 100% daripada Jumlah Diinsurankan Asas + Jumlah Annual Booster yang layak diterima + sebarang bonus⁽²⁾ apabila polisi anda matang.

E


Perlindungan penting bagi Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan kekal (TPD)⁽³⁾

Sekiranya kejadian yang tidak diinginkan menimpa anda, keluarga anda akan menerima bayaran insurans untuk mengurangkan kebimbangan kewangan mereka.

⁽¹⁾ Jika anda memilih tempoh polisi 30 tahun, jumlah Annual Booster yang layak diterima pada kematangan terdiri daripada 288% daripada Jumlah Diinsurankan Asas.

⁽²⁾ Bonus terdiri daripada Bonus Terminal dan Bonus Berbalik Majmuk dan akan dibayar sekaligus apabila berlaku kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum tarikh ulang tahun polisi semasa Hayat Yang Diinsurankan berumur 70 tahun, serahan atau kematangan polisi. Bonus-bonus ini adalah tidak dijamin dan akan bergantung kepada keputusan operasi dan pelaburan dana penyertaan hayat Prudential.

⁽³⁾ Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) luput pada tarikh ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsurankan mencapai umur 70 tahun.

A close-up photograph of a person's hand holding a small cluster of bright yellow, spherical seeds. The hand is positioned just above a mound of dark, rich brown soil. Several seeds have already been scattered onto the soil surface, forming a small trail. The lighting is warm and directional, highlighting the texture of the soil and the smooth surface of the seeds.

Ambil langkah pertama ke arah mencapai impian anda **HARI INI**

PRUGrowth

Membina simpanan anda adalah usaha yang berbaloi. Ia membuatkan anda rasa selamat dan menolong anda mencapai kehidupan yang anda inginkan.

PRUGrowth merupakan plan insurans yang menolong anda membinakan simpanan anda dengan memberikan anda ganjaran menerusi Annual Booster tahunan yang layak diterima apabila anda komited untuk membayar premium anda secara tetap. Anda boleh memilih tempoh bayaran sesingkat 5 atau 10 tahun dan memilih daripada 3 tempoh perlindungan yang berbeza daripada 15 hingga 30 tahun.

Lindungi **pertumbuhan** simpanan anda dengan Annual Booster, sambil menikmati manfaat perlindungan insurans.

S

Tempoh
komitmen premium
yang singkat,
bermula dari
5 tahun



“Saya ingin membayar premium saya selama _____ tahun untuk menikmati perlindungan insurans selama _____ tahun.”

Nikmati fleksibiliti untuk memilih tempoh bayaran premium dan tempoh perlindungan yang anda sukai dengan PRUGrowth!



5 BAYAR 15

Tempoh bayaran premium 5 tahun dengan tempoh perlindungan insurans 15 tahun.



5 BAYAR 20

Tempoh bayaran premium 5 tahun dengan tempoh perlindungan insurans 20 tahun.




10 BAYAR 20

Tempoh bayaran premium 10 tahun dengan tempoh perlindungan insurans 20 tahun.



10 BAYAR 30

Tempoh bayaran premium 10 tahun dengan tempoh perlindungan insurans 30 tahun.



A

Annual
Booster dengan jumlah
sehingga **288% daripada**
Jumlah Diinsuranskan
Asas⁽⁴⁾



“Saya ingin menerima **ganjaran kesetiaan** daripada komitmen berterusan dalam simpanan. Semakin lama saya menyimpan, semakin banyaklah ganjaran kesetiaan yang akan diberikan!”

Apakah Annual Booster?

Anda akan diberikan Annual Booster secara tahunan untuk meningkatkan Manfaat Kematian/Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) /Serahan/ Kematangan anda.

Setelah diberikan, amaun Annual Booster adalah dijamin dan sekiranya polisi anda terus berkuat kuasa sehingga kematangan atau pada awal Kematian/Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)⁽⁵⁾ sebelum tarikh ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun. Setelah menyerahkan polisi, pemegang polisi tidak akan menerima amaun penuh Annual Booster. Nilai Serahan Dijamin termasuk nilai serahan Annual Booster yang layak diterima.

Nota: Annual Booster tidak dibenarkan untuk dikeluarkan sepanjang tempoh polisi.

	TAHUN POLISI	5 BAYAR 15	5 BAYAR 20	10 BAYAR 20	10 BAYAR 30
% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA)	1 – 6	6% daripada BSA setahun	6% daripada BSA setahun	6% daripada BSA setahun	6% daripada BSA setahun
	7 – 12	8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun
	13 - 15	18% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun
	16 – 17		8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun
	18 – 19		18% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun
	20		28% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun	8% daripada BSA setahun
	21 – 27				8% daripada BSA setahun
	28 – 30				28% daripada BSA setahun
	JUMLAH		138% daripada BSA	188% daripada BSA	288% daripada BSA

⁽⁴⁾ Jika anda memilih tempoh polisi 30 tahun, jumlah Annual Booster yang layak diterima pada kematangan terdiri daripada 288% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas.

⁽⁵⁾ Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) luput pada tarikh ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun.

[^] Manfaat Kematian akibat Kemalangan pada tarikh ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun.

V

Manfaat bernilai pada kematangan



“Berapa banyak yang saya boleh dapat apabila polisi saya matang?”

KEMATANGAN =



Apakah jenis bonus⁽⁶⁾ yang akan anda nikmati?

Bonus Terminal : Ini adalah bonus tidak dijamin di mana ia dibayar apabila polisi anda tamat – atas Kematian/TPD⁽⁵⁾, kematangan atau jika anda memilih untuk menyerahkan polisi anda.

Bonus Berbalik Majmuk (CRB) :

Ini adalah bonus tidak dijamin di mana ia diperuntukkan dan ditambah kepada jumlah diinsuranskan polisi penyertaan, biasanya secara tahunan. Jumlah bonus ini tidak dijamin dan akan bergantung kepada faktor-faktor yang lain, seperti prestasi sebenar operasi dan pelaburan dana penyertaan. Bonus yang diisytiharkan akan dibayar dengan penuh sekiranya Hayat Yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)⁽⁵⁾ sebelum tarikh ulang tahun polisi sebelum Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi akan datang, meninggal dunia dalam tempoh polisi atau pada tarikh kematangan, yang mana lebih awal. Jika anda memilih untuk menamatkan polisi anda awal, seperti menyerahkan polisi anda atau menukar polisi anda, anda mungkin tidak akan menerima amaun penuh CRB yang diisytiharkan.

⁽⁶⁾Bonus terdiri daripada Bonus Terminal dan Bonus Berbalik Majmuk dan akan dibayar sekaligus apabila berlaku kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum tarikh ulang tahun polisi semasa Hayat Yang Diinsuranskan berumur 70 tahun, serahan atau kematangan polisi. Bonus-bonus ini adalah tidak dijamin dan akan bergantung kepada keputusan operasi dan pelaburan dana penyertaan hayat Prudential.

⁽⁷⁾110% bagi umur penyertaan 1 hingga 50 tahun; 105% bagi umur penyertaan 51 hingga 60 tahun.

E

Perlindungan penting bagi Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)⁽⁵⁾



“Selain daripada pelan simpanan yang berdisiplin, saya juga ingin mempunyai beberapa perlindungan insurans yang penting.”



Sekiranya berlaku kematian atau TPD⁽⁵⁾ ke atas Hayat Yang Diinsuranskan dalam 2 tahun polisi pertama, yang mana lebih tinggi daripada yang berikut akan dibayar:

100% jumlah premium asas yang telah dibayar (termasuk premium tambahan, jika ada);

ATAU

Nilai Serahan Dijamin **TAMBAH** sebarang Annual Booster yang layak diterima **TAMBAH** sebarang bonus⁽⁶⁾ yang akan dibayar atas kematian.



Sekiranya berlaku kematian atau TPD⁽⁵⁾ ke atas Hayat Yang Diinsuranskan dari tahun polisi ke-3 dan seterusnya, yang mana lebih tinggi daripada yang berikut akan dibayar:

110% / 105%⁽⁷⁾ jumlah premium asas yang telah dibayar (termasuk premium tambahan, jika ada);

ATAU

Jumlah Diinsuranskan Asas **TAMBAH** Annual Booster yang layak diterima **TAMBAH** sebarang bonus⁽⁶⁾ yang akan dibayar atas kematian;

ATAU

Nilai Serahan Dijamin **TAMBAH** sebarang bonus⁽⁶⁾ yang akan dibayar atas penyerahan (jika ada).



Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan seperti yang dinyatakan di bawah akan dibayar sebagai tambahan kepada perlindungan kematian:

1x

Jumlah Diinsuranskan Asas sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan[^].

2x

Jumlah Diinsuranskan Asas sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan[^] yang terjadi semasa dalam perjalanan dengan menggunakan sebarang kenderaan awam yang digerakkan secara mekanik, gerabak lif, atau mana-mana bangunan awam yang terbakar.

3x

Jumlah Diinsuranskan Asas sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan[^] yang terjadi di luar negara Malaysia.

Bagaimana PRUGrowth berfungsi?



James, berusia 35 tahun, telah berkahwin dan mempunyai kerjaya yang stabil. Matlamat terbaru dalam hidup adalah untuk memberikan yang terbaik kepada orang yang tersayang. Dia membeli PRUGrowth, pelan insurans yang boleh membantu membinakan simpanannya.



Dengan premium tahunan sebanyak **RM4,655** yang akan dibayar selama 10 tahun, pelan ini memberikan James perlindungan insurans selama 30 tahun dengan Jumlah Diinsuranskan Asas⁽⁸⁾ (BSA) sebanyak **RM15,000**.



Pelan ini juga akan memberikan Annual Booster kepada James setiap tahun berjumlah sehingga **288%**⁽⁹⁾ daripada BSA. Annual Booster akan diberikan di antara **RM900** hingga **RM4,200** pada akhir setiap tahun polisi. Amaun Annual Booster adalah dijamin dan akan dibayar jika dia menyimpan polisi sehingga kematangan atau pada awal Kematian/TPD.

Dengan perlindungan insurans yang disediakan oleh PRUGrowth, sekiranya James mengalami TPD pada Tahun Polisi ke-15 dan dia tidak lagi mampu menanggung kewangan keluarganya, maka dia akan menerima manfaat sekali gus sebanyak **RM57,889**⁽¹⁰⁾ yang dapat meringankan beban kewangan keluarganya. Amaun ini terdiri daripada manfaat terjamin sebanyak **RM51,208** dan manfaat tidak dijamin sebanyak **RM6,681**.



Apabila kematangan polisi, jika tiada tuntutan TPD atau Kematian dibuat, dia akan menerima sebanyak **RM107,122**⁽¹¹⁾, yang terdiri sebanyak **RM15,000** daripada Jumlah Diinsuranskan Asas, **RM43,200** daripada jumlah Annual Booster yang layak diterima serta sebarang Bonus sebanyak **RM48,922** yang ada pada kematangan. Wang yang diterima pada kematangan boleh digunakan untuk membuat apa sahaja yang dia suka.



Nota: Contoh di atas adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Pengiraan di atas adalah berdasarkan Umur 35 Tahun, Lelaki Bukan Perokok, 10 Bayar 30, dengan Jumlah Diinsuranskan Asas RM15,000 dan dengan andaian Dana Penyertaan memperoleh 5% setiap tahun.

SENARIO RENDAH X⁽¹³⁾

PADA KEMATANGAN:
(A) + (B) + (C) =
RM58,200

(C) = 0 berdasarkan
senario rendah X



SENARIO TINGGI Y⁽¹³⁾

PADA KEMATANGAN: (A) + (B) + (C) =
RM107,122



Termasuk
Potensi
Bonus⁽¹²⁾ (C)

(C) = RM48,922
berdasarkan senario tinggi Y



Annual Booster 288% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA) RM43,200 (B)	Tahun: 01 – 06	6% daripada BSA setahun	RM900 X 6 tahun = RM5,400
	Tahun: 07 – 27	8% daripada BSA setahun	RM1,200 X 21 tahun = RM25,200
	Tahun: 28 – 30	28% daripada BSA setahun	RM4,200 X 3 tahun = RM12,600
JUMLAH DIINSURANSKAN ASAS – RM15,000 (A)			

LEBIH JIMAT dengan Bayaran Premium Tahunan

Tahunan Debit Terus/Kad Kredit	Tahunan Tunai/Cek	Bulanan Debit Terus/Kad Kredit	Bulanan Tunai/Cek
 RM46,552.50 RM4,655.25 X 10 tahun		RM47,484.00 RM395.70 X 12 bulan X 10 tahun	RM49,158.00 RM409.65 X 12 bulan X 10 tahun
		BAYAR LEBIH* RM931.50 	BAYAR LEBIH* RM2,605.50 
<i>*Berbanding dengan Bayaran Premium Tahunan</i>			

PREMIUM 10 TAHUN

⁽⁸⁾ Manfaat Kematian/TPD tidak semata-mata bergantung pada Jumlah Diinsuranskan Asas. Sila rujuk ruangan "Perlindungan penting bagi Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)" untuk butir-butir lanjut.

⁽⁹⁾ Jika anda memilih tempoh polisi 30 tahun, jumlah Annual Booster layak diterima pada kematangan terdiri daripada 288% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas.

⁽¹⁰⁾ Manfaat TPD yang diunjurkan pada Tahun 15 adalah berdasarkan senario tinggi dengan mengandaikan dana hayat penyertaan memperoleh 5% (sebelum ditolak cukai dan perbelanjaan) setiap tahun. Di bawah senario rendah dengan mengandaikan dana hayat penyertaan memperoleh 2% (sebelum ditolak cukai dan perbelanjaan) setiap tahun, Manfaat TPD yang diunjurkan pada Tahun 15 ialah **RM51,208**, terdiri daripada manfaat terjamin sahaja.

⁽¹¹⁾ Manfaat Kematangan yang diunjurkan adalah berdasarkan senario tinggi dengan mengandaikan dana hayat penyertaan memperoleh 5% (sebelum ditolak cukai dan perbelanjaan) setiap tahun. Di bawah senario rendah dengan mengandaikan dana hayat penyertaan memperoleh 2% (sebelum ditolak cukai dan perbelanjaan) setiap tahun, Manfaat Kematangan yang diunjurkan ialah **RM58,200**, terdiri daripada manfaat terjamin sahaja.

⁽¹²⁾ Bonus terdiri daripada Bonus Terminal dan Bonus Berbalik Majmuk dan akan dibayar sekali gus apabila berlaku Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum tarikh ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun, meninggal dunia, serahan atau kematangan polisi. Bonus-bonus ini adalah tidak dijamin dan akan bergantung kepada keputusan operasi dan pelaburan dana penyertaan hayat Prudential.

⁽¹³⁾ Ilustrasi manfaat yang Tidak Dijamin telah disediakan dengan dua senario hipotetikal pelaburan.

a. Senario X = Andaian dana penyertaan memperoleh 2% setiap tahun

b. Senario Y = Andaian dana penyertaan memperoleh 5% setiap tahun

Kedua-dua kadar di atas tidak dijamin dan digunakan semata-mata bagi tujuan ilustrasi untuk menunjukkan kepelbagaian manfaat yang TIDAK DIJAMIN di bawah senario pelaburan yang berbeza. Ia tidak mewakili had atas dan had bawah untuk prestasi pelaburan dana penyertaan hayat dan ia juga tidak mewakili pulangan yang diperolehi atas premium yang dibayar untuk produk insurans hayat.

Meningkatkan perlindungan anda dengan **RIDER OPSYENAL**

PRUWaiver



Menjamin **PERLINDUNGAN** berterusan tanpa perlu membayar semua premium masa depan jika **HAYAT YANG DIINSURANSKAN** disahkan menghadapi Penyakit Kritikal.

Spouse Waiver



Menjamin **HAYAT YANG DIINSURANSKAN** akan terus dilindungi tanpa perlu membayar semua premium masa depan jika pasangan (Nyawa Yang Diinsuranskan bagi rider ini) mengalami TPD⁽¹⁵⁾, meninggal dunia atau disahkan menghadapi Penyakit Kritikal, yang mana lebih awal.

Parent Waiver



Menjamin **HAYAT YANG DIINSURANSKAN** akan terus dilindungi tanpa perlu membayar semua premium masa depan sehingga tarikh ulang tahun polisi sebelum Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 25 tahun atau akhir tempoh pembayaran premium (yang mana lebih awal), jika ibu atau bapa (Nyawa Yang Diinsuranskan bagi rider ini) mengalami TPD⁽¹⁵⁾, meninggal dunia atau disahkan menghadapi Penyakit Kritikal, yang mana lebih awal.

Mulakan simpanan anda dengan **3 LANGKAH MUDAH**



Langkah 1 Pilih Amaun Perlindungan anda

Jumlah Diinsuranskan Asas Minimum sebanyak RM10,000



Langkah 2 Pilih Opsyen yang anda sukai

5 Bayar 15, 5 Bayar 20
10 Bayar 20 & 10 Bayar 30



Langkah 3 Pilih Rider anda (opsyenal)

PRUWaiver, Spouse atau Parent Waiver



Pada Kematangan


100% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas
+
Jumlah Annual Booster yang layak diterima
+
Sebarang bonus⁽¹⁴⁾ pada kematangan

⁽¹⁴⁾ Bonus terdiri daripada Bonus Terminal dan Bonus Berbalik Majmuk dan akan dibayar sekaligus apabila berlaku Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum tarikh ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan berumur 70 tahun, serahan atau kematangan polisi. Bonus-bonus ini adalah tidak dijamin dan akan bergantung kepada keputusan operasi dan pelaburan dana penyertaan hayat Prudential.

⁽¹⁵⁾ Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) luput pada tarikh ulang tahun polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun.

Soalan-Soalan Yang Sering Ditanya

Bagaimanakah prestasi dana penyertaan hayat pada masa dahulu?



Prestasi pelaburan dana yang lepas bukan suatu ukuran bagi prestasi masa depan. Ia hanya prestasi pelaburan dana penyertaan insurans hayat dan bukan pulangan yang diperolehi daripada premium. Pulangan sebenar yang diperolehi daripada premium ketika kematangan/serahan akan lebih rendah disebabkan oleh kos insurans dan perbelanjaan. Kadar yang ditunjukkan di atas adalah sebelum ditolak cukai dan perbelanjaan.

Apakah itu PRUGrowth?

Ia adalah pelan endowment penyertaan jangkaan dengan bayaran terhad yang menawarkan gabungan antara perlindungan insurans dan simpanan.



Adakah saya layak untuk menyertai pelan ini?

Ya, sekiranya anda berumur 14 hari hingga 60 tahun, tertakluk kepada umur luput 80 tahun.

Berapakah Jumlah Diinsuranskan Asas yang boleh saya dapatkan?

Anda boleh menetapkan ia serendah RM10,000 atau pilih amaun perlindungan yang lebih tinggi (tertakluk kepada pengunderaitan).

Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda bayar bergantung kepada umur penyertaan, Jumlah Diinsuranskan Asas yang anda pilih, tempoh bayaran premium, tempoh polisi dan rider opsyenal (jika ada).



Bagaimana untuk layak mendapatkan Diskaun Jumlah Diinsuranskan Yang Besar?

Diskaun jumlah diinsuranskan yang besar akan dikenakan kepada pelan Asas sahaja untuk Jumlah Asas Diinsuranskan yang sama atau lebih tinggi daripada RM20,000.

Bolehkah saya menyerahkan polisi pada bila-bila masa?

Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda membatalkan polisi pada tahun-tahun awal, anda tidak akan dapat memperoleh nilai penuh daripada premium yang telah anda bayar dan jumlah Annual Booster yang layak diterima. Apabila anda menyerahkan polisi, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah pelan ini akan tamat.



Nota Penting:

- Risalah ini adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan **PRUGrowth** sebelum membeli pelan ini, serta merujuk kepada Terma dan Syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
- Anda hendaklah memastikan bahawa produk ini menepati keperluan anda. Anda juga hendaklah memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi ejen atau Perancang Kewangan anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Kadar premium bagi pelan asas adalah dijamin. Walau bagaimanapun, kadar premium bagi rider opsyenal adalah tidak dijamin. Prudential berhak menyemak kadar premium bagi rider opsyenal pada ulang tahun polisi dengan memberi notis terdahulu 90 hari.
- Tempoh Rujukan Percuma selama 15 hari diberikan selepas polisi diserahkan kepada anda bagi membolehkan anda mengkaji semula sama ada produk ini memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh tinjauan percuma ini, kami akan membayar balik kepada anda premium yang telah anda bayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dikenakan.
- Manfaat tertakluk kepada pengecualian, sila rujuk kepada klausa pengecualian dalam Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan. Anda juga boleh merujuk kepada dokumen polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.
- Adalah penting bahawa sebarang resit yang anda terima hendaklah disimpan sebagai bukti pembayaran premium.
- Jika anda tidak dapat membayar premium anda dalam tempoh tangguh selama satu bulan, maka amaun nilai tunai yang ada akan digunakan untuk mendahulukan premium di bawah Skim Pinjaman Premium Automatik pada kadar faedah semasa, seperti yang ditentukan oleh Prudential. Jika nilai tunai tersebut tidak dapat menampung premium yang tertunggak atau hutang lain dengan Prudential, maka polisi anda akan luput.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketakselarasan antara versi risalah ini dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina dan bagi tujuan interpretasi, versi risalah ini dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan diberi kuatkuasa.

- **PRUGrowth** bukan produk mematuhi Syariah.
- Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential Assurance Malaysia Berhad
Ahli PIDM

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau keseluruhan manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada PAMB atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).



Prudential Assurance Malaysia Berhad
(107655-U)

Level 20, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2116 0228

E-mel: customer.mys@prudential.com.my

www.prudential.com.my



Mendengar. Memahami. Melaksana.